

RANCANGAN PERNIAGAAN
ERT 300

FIMZA MUSLIM'S COLLECTION

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
MELAKA
2000

**UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN
ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)**

DISEDIAKAN UNTUK :

**PROF. DR. HJ. ILLIAS B. HJ. ZAIDI
PENSYARAH ETR 300**

DISEDIAKAN OLEH :

HASLIZA BT. AWANG	98719285
MUNIZARINA BT. MALAN	97303259
NOORZEHAN BT. MOHD ZIN	97419557
NORAIZAN BT. AB. AZIZ	97419605
NORHAFIZA BT. CHE IBERAHIM	97419657

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
5A**



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

24 Januari 2000

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Surat Tuan:

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Universiti Teknologi MARA, Kampus Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Hasliza bt. Awang	97419285
2.	Noraizan bt. Abdul Aziz	97419605
3.	Norhafiza bt. Che Iberahim	97419537
4.	Noorzehan bt. Mohd Zin	97419557
5.	Munizarina bt. Malan	97303259

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
Universiti Teknologi MARA
Kampus Melaka
b/p Provos

DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

Fimza Muslim's Collection

Universiti Teknologi Mara

KM 26 , Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

MELAKA

PROF. MADYA DR. HJ. ILLIAS ZAIDI

Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)

Universiti Teknologi Mara

KM 26 , Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

MELAKA

Prof. ,

Rancangan Perniagaan Fimza Muslim's Collection


Merujuk kepada perkara di atas adalah dimaklumkan bahawa kami telah diarahkan untuk menyediakan satu laporan Rancangan Perniagaan yang bertajuk Fimza Muslim's Collection bagi memenuhi keperluan kursus bagi matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

Laporan ini telah disediakan mengikut arahan , tatacara dan prosedur seperti yang telah diarahkan kami memilih perniagaan ini kerana ia mempunyai potensi budaya maju yang tinggi dan dapat menghasilkan pendapatan yang menguntungkan .

Penyerahan laporan ini dibuat selewat-lewatnya pada atau sebelum 1 April 2000. Dengan ini kami menyerahkan Laporan Perniagaan ini dan kami berharap pihak prof. Berpuas hati dengan Laporan Perniagaan ini .

Segala pertimbangan dan jasa baik dari pihak prof. Kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih .

Yang benar ,



(NOORZEHAN BINTI MOHD ZIN)
Pengurus Besar

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Kertas kerja Rancangan Perniagaan merupakan satu dokumen yang memberikan maklumat tentang arah tujuan perniagaan dan merupakan panduan bagi pihak yang ingin menubuhkan syarikat seperti orang perseorangan, ahli-ahli perkongsian serta organisasi-organisasi yang lebih besar. Maklumat-maklumat ini juga amat penting bagi pihak yang terlibat seperti pemegang saham, bank, institusi-institusi kewangan, pembekal set serta barang dan juga pelanggan.

Melalui sesebuah Rancangan Perniagaan, usahawan dapat mengkaji dan meramal samada perniagaan yang dijalankan berdaya maju atau tidak. Di sini, Rancangan Perniagaan disediakan oleh FIMZA MUSLIM'S COLLECTION. Sebagai panduan awal untuk penubuhan perniagaan kami samada dari segi perancangan perniagaan, operasi mahupun pemasaran, kewangan serta pentadbiran. Antara lain tujuan Rancangan Perniagaan ini disediakan adalah untuk :-

Sebagai Pendedahan Awal

Rancangan Perniagaan ini disediakan untuk menerapkan minat pelajar terutamanya kami sebagai ahli kumpulan FIMZA MUSLIM'S COLLECTION. Dengan ini sikap bertanggungjawab sesama kami